



## **PENDEKATAN *BIBLIO-COUNSELING* DALAM MEMBENTUK PERUBAHAN TINGKAH LAKU PELAJAR**

**Suhana Binti Sarmadan**  
suhanasarmadan@yahoo.com

Sekolah Kebangsaan Bandar Putra, Malaysia

**Muhammad Saffuan Abdullah**  
saffhan@gmail.com

Akademi Latihan & Pendidikan PEKA (Persatuan Konselor Pendidikan) , Malaysia

### **Abstrak**

Pendekatan *Biblio-Counseling* adalah gabungan penggunaan teknik biblio dan kaedah bercerita di dalam proses bimbingan dan proses kaunseling sebagai salah satu kreativiti guru bimbingan dan kaunseling. Pendekatan *Biblio-Counseling* dirancang dan dipilih secara terarah sebagai satu tindakan terapeutik yang diyakini dapat mempengaruhi perubahan sikap, perasaan, dan perilaku murid sesuai dengan sikap, perasaan dan tingkah laku yang diharapkan. Pendekatan *Biblio-Counseling* merupakan satu bentuk teknik sokongan menggunakan bahan bacaan tertentu yang dipilih bagi tujuan membentuk perkembangan sendiri dan sahsiah murid yang lebih positif. Kesannya 92% merasa tenang selepas menjalani Pendekatan *Biblio-Counseling*, 94% yakin untuk berubah ke arah yang lebih positif, 90% yakin membuat keputusan, 88% dapat mengawal emosi, 92% lebih bermotivasi dan 90% peningkatan murid hadir awal ke sekolah. Modul ini telah diaplikasikan di dua buah sekolah menengah dan empat buah sekolah rendah (1 SJKC, 1 SJKT dan 2 SK) di daerah Kulai. Pendekatan ini juga telah dikongsikan bersama-sama Guru Besar-Guru Besar di Banda Aceh, Indonesia pada 2016. Pendekatan ini boleh digunakan untuk tujuan pencegahan serta membentuk konsep diri yang positif, memahami tingkah laku, meningkatkan motivasi, untuk melegakan tekanan emosi dan kebosanan, untuk membincangkan masalah secara terbuka serta meneroka pelbagai pilihan dalam penyelesaian masalah dan seterusnya memberi celik akal kepada murid.

**Kata Kunci:** bercerita, celik akal, teknik biblio, tingkah laku

## PENDAHULUAN

Pembelajaran adalah proses yang menuju kepada perubahan tingkah laku secara tekak kerana faktor pengetahuan dan pengalaman. Perubahan tingkah laku itu juga hasil interaksi manusia dengan persekitarannya. Hal ini diakui oleh Driscoll, (1994) dan *Classical and Operant Conditioning* (12 November 2002) mengatakan bahawa proses pembelajaran dapat mempengaruhi tingkah laku manusia. Berdasarkan andaian tersebut, penggunaan korpus cerita adalah relevan sebagai salah satu teknik bagi membentuk tingkah laku murid. Perubahan zaman moden dan pengaruh media massa pada masa kini menyebabkan ramai murid semakin terhakis minat mereka pada pembacaan. Sehubungan itu, guru bimbingan dan kaunseling perlu berperanan sebagai pencetus minat dan menjadi elemen penting bagi memindahkan bahan cerita ke dalam kotak pemikiran murid melalui dirinya sendiri. Apa yang perlu adalah kebolehan diri, pengetahuan asas, kemahuan dan kebolehan mengintegrasikan cerita sebagai bahan bagi membentuk sahsiah secara santai dan berkesan.

### **Definisi Pendekatan *Biblio-Counseling***

Idea asal Pendekatan *Biblio-Counseling* adalah daripada konsep terapi biblio dan terapi bercerita. Berdasarkan kelebihan terapi biblio dan terapi bercerita maka telah tercetus ilham untuk membina Pendekatan *Biblio-Counseling* sebagai alat di dalam sesi bimbingan dan kaunseling di SK Bandar Putra. Pendekatan *Biblio-Counseling* adalah gabungan penggunaan teknik biblio dan kaedah bercerita di dalam proses bimbingan dan proses kaunseling sebagai salah satu kreativiti guru bimbingan dan kaunseling. Pendekatan *Biblio-Counseling* dirancang dan dipilih secara terarah sebagai satu tindakan terapeutik yang diyakini dapat mempengaruhi perubahan sikap, perasaan, dan perilaku murid sesuai dengan sikap, perasaan dan tingkah laku yang diharapkan. Kaedah utama adalah menggunakan buku dan menggabungkan teknik bercerita. Penggunaan buku merupakan satu kaedah interaksi yang berstruktur di antara murid dengan guru bimbingan dan kaunseling berdasarkan perkongsian sesuatu bahan bacaan dalam memenuhi keperluan terapeutik klien. Amalan Pendekatan *Biblio-Counseling* juga merupakan satu bentuk teknik sokongan menggunakan bahan bacaan tertentu yang dipilih bagi tujuan membentuk perkembangan sendiri dan sahsiah murid yang lebih positif. Terdapat

juga aktiviti kreatif lain seperti melukis, menyanyi dan menonton video yang bersesuaian dilakukan untuk aktiviti peneguhan mengikut keperluan murid. Tujuan amalan tersebut dijalankan sebagai usaha membentuk perkembangan sendiri dan sahsiah yang lebih positif dalam kalangan murid-murid.

### **Definisi Terapi Biblio**

Perkataan terapi biblio atau *bibliotherapy* berasal dari bahasa Yunani, iaitu *biblus* yang bermaksud buku. Manakala perkataan terapi atau *therapy* merujuk kepada bantuan secara psikologi. Oleh itu, terapi biblio didefinisikan sebagai penggunaan buku-buku untuk membantu klien menyelesaikan masalah. Pada kamus Webster (1985, p.185) mendefinisikan terapi biblio sebagai panduan dalam mengatasi masalah peribadi melalui membaca.

Terapi biblio boleh menjadi bahan atau media yang membantu klien dalam mengatasi masalah peribadinya. Cohen (1994) memberikan pengertian bahawa terapi biblio yang dilakukan secara interaktif menekankan perkembangan pertumbuhan pengembangan diri, tidak hanya intervensi klinikal saja (misalnya, penggunaan terapi biblio dalam pengurusan seperti pusat kesihatan mental masyarakat, dan program ketergantungan kimia). Sebaliknya terapi biblio merupakan terapi ekspresif yang melibatkan hubungan individu dengan kandungan buku sebagai sebuah terapi. Terapi biblio boleh dikombinasikan dengan aktiviti menulis. Terapi biblio memerlukan klien yang menghadapi depresi membaca buku yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi agar dapat membantu meningkatkan motivasi dan penyembuhan ([www.holisticonline.com](http://www.holisticonline.com)). Menurut Pardeck (dalam Eric Digest) terapi biblio merupakan teknik yang membentuk struktur interaksi antara fasilitator dengan klien berdasarkan kepelbagaian karya atau bentuk cerita yang bermutu.

### **Definisi Bercerita**

Bercerita adalah suatu aktiviti yang digunakan untuk menyampaikan peristiwa dengan menggunakan perkataan, imej dan suara. Cerita atau naratif ini sering digunakan oleh setiap budaya masyarakat sejak permulaan tamadun sebagai hiburan, pendidikan, pengejalan

budaya dan pemupukan nilai-nilai moral. Elemen-elemen penting yang terkandung dalam cerita ialah plot, watak-watak serta pandangan dan nilai-nilai murni.

Oleh kerana nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita, dan murid-murid sekolah rendah pula mempunyai motivasi instrinsik yang suka mendengar cerita, maka terapi bercerita merupakan suatu pendekatan yang paling berkesan dalam proses mengubah tingkah laku murid yang bermasalah.

Helen Keller menulis dalam "*The Story of My Life*", mendengar cerita merupakan cara yang paling mudah dan secara semulajadi untuk kanak-kanak menguasai bahasa yang membolehkan mereka menyusun, menstruktur, memanipulasi, memikir dan mempersepsi dunia secara rasional.

### **Jenis-Jenis Buku Yang Digunakan**

Bahan penulisan atau bahan bacaan yang boleh digunakan dalam kaunseling terapi biblio diklasifikasikan kepada beberapa kategori iaitu cerita pendek (fiksyen), biografi (bukan fiksyen), cerita dongeng, buku gambar, buku bantu-kendiri, autobiografi, riwayat hidup dan diari peribadi.

#### **a) Cerita Pendek**

Cerita-cerita yang menggambarkan konflik khusus serta kebimbangan yang terhasil adalah pilihan yang terbaik. Apabila murid membaca atau mendengar cerita tersebut, mereka akan lebih mengaitkan diri mereka dengan watak dalam cerita dan bersifat empati terhadap situasi yang dialami oleh watak tersebut. Seterusnya murid akan lebih memahami dan secara tidak langsung menangani konflik sendiri.

#### **b) Biografi**

Sesetengah biografi menceritakan cara kanak-kanak yang menjadi anak angkat menangani masalah yang mereka hadapi, menjaga adik yang dikategorikan sebagai kanak-kanak khas atau cara mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan walaupun hidup

susah. Sekiranya biografi yang dibaca berpadanan dengan situasi hidup murid yang terlibat, dia akan dapat belajar cara watak dalam cerita mengatasi konflik, kesukaran dan sebagainya.

### **c) Buku Bantu Kendiri**

Skop buku bantu sendiri ini agak luas. Ianya merangkumi cerita motivasi, kemahiran komunikasi berkesan, kemahiran membuat keputusan, kemahiran sosial dan sebagainya.

### **d) Cerita Dongeng**

Cerita dongeng merupakan cerita fantasi yang amat digemari oleh murid-murid sekolah rendah. Walaupun watak dan jalan cerita dalam kisah dongeng rekaan semata-mata tetapi cerita-cerita seperti ini juga ada memberi tentang cara-cara menyelesaikan masalah hidup berdasarkan imaginasi mereka.

### **e) Buku Gambar**

Kelazimannya kanak-kanak atau murid sekolah rendah terutamanya pra sekolah dan murid-murid tahap 1 amat suka buku gambar yang mengandungi sedikit perkataan tetapi gambar yang berwarna warni dan jelas. Kebanyakan buku ini mencerminkan pemikiran dan perasaan kanak-kanak. Memandangkan kandungan buku tersebut berasaskan pengalaman mereka, maka adalah mudah bagi kanak-kanak untuk mengaitkan diri mereka dengan watak yang berkenaan seterusnya mentafsir mesej yang disampaikan.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Berdasarkan pemerhatian semasa menjalankan sesi bimbingan dan kaunseling didapati kebanyakan murid-murid di Sk Bandar Putra menghadapi beberapa masalah iaitu tidak bersedia berkongsi masalah apabila berjumpa dengan guru bimbingan dan kaunseling, murid sukar mendapat celik akal dan merancang tindakan tentang sesuatu perkara berkaitan isu yang dihadapi, serta murid kurang memahami pertanyaan guru kerana kanak-kanak masih

kurang matang serta menghadapi masalah kekurangan perbendaharaan kata yang cukup untuk menjelaskan gangguan mental dan emosi yang abstrak.

Berdasarkan kajian keperluan yang diedarkan secara rawak kepada 100 orang murid yang terdiri daripada murid darjah 4, 5 dan 6. Kebanyakan murid yang menjawab soal selidik ini terdiri daripada murid dari kelas pertengahan dan kelas corot atau akhir pada tahun 2016. Berikut adalah hasil dapatan yang diperolehi:

BIL	SOALAN	YA	TIDAK
1	Saya lemah dalam beberapa mata pelajaran	80%	20%
2	Saya tidak yakin dalam melakukan sesuatu perkara	94%	6%
3	Saya merasa rendah diri	86%	14%
4	Saya malu bertanya apa yang saya tidak tahu	90%	10%
5	Saya selalu merasa tidak bersemangat	70%	30%
6	Saya tidak berminat untuk belajar	40%	60%
7	Saya tidak dapat mengurus masa seharian dengan sempurna	88%	12%
8	Saya lemah daya ingatan	30%	70%
9	Saya tidak boleh mengawal emosi dengan baik	70%	30%
10	Saya perlu mengikuti program berkaitan pengurusan diri	60%	40%

*Jadual 1 : Analisa kajian keperluan yang diperolehi bagi tahun 2016*

## **PENDEKATAN TEORI**

Pendekatan *Biblio-Counseling* telah menggunakan pendekatan teori tingkah laku kognitif. Andaian asas teori *Rational Emotive Behavioral Therapy* (REBT) ialah manusia merupakan penyumbang kepada masalah psikologi yang mereka alami. Ini kerana manusia sendiri yang memberi interpretasi terhadap masalah yang dihadapi. Interpretasi tersebut memberi impak kepada aspek psikologi mereka. Ini kerana kognitif (pemikiran), emosi, dan tingkahlaku manusia saling berinteraksi antara satu sama lain. Apabila manusia

menggunakan kognitifnya menginterpretasi mengenai sesuatu peristiwa, tingkahlaku dan emosinya akan bersandarkan kepada pemikiran tersebut. Ini bersesuaian dengan fokus utama Pendekatan *Biblio-Counseling* ialah pemikiran murid (klien) dan tingkah lakunya berbanding dengan perasaan. Proses dalam Pendekatan *Biblio-Counseling* adalah proses pendidikan sesuai dengan peranan kaunselor sebagai ‘guru’ yang membimbing murid (klien) untuk menukar cara berfikir dan bertindak.

Hal ini kerana Albert Ellis, berpendapat bahawa manusia pada dasarnya dilahirkan dengan memiliki potensi sama ada untuk menjadi seorang yang rasional atau tidak rasional. Ini bermakna, manusia boleh menentukan sama ada untuk gembira, menyayangi, disayangi, dan mendapat kesempurnaan sendiri atau boleh memilih sesuatu yang memusnahkan diri dan mengelak daripada berkembang. Justeru, matlamat Pendekatan *Biblio-Counseling* ialah untuk membantu murid menerima diri mereka yang akan berterusan melakukan kesilapan tetapi dalam masa yang sama belajar daripada kesilapan tersebut dan tidak menyalahkan diri atau orang lain. Selari dengan matlamat utama terapi REBT ialah untuk membantu manusia meminimumkan gangguan emosi dan mengurangkan tingkah laku yang merosakkan diri sendiri seterusnya mendapat kesempurnaan sendiri. Dengan itu, klien akan menjadi manusia yang lebih gembira dengan kehidupannya.

Falsafah REBT yang elegan ialah membimbing klien untuk mengubah falsafah pemikiran mereka dengan mengubah cara mereka berfikir dari tidak rasional kepada rasional. Dengan lebih terperinci, kaunselor berperanan mendidik klien mengenal diri sendiri dengan mengenali kepercayaan-kepercayaan tidak rasional dalam diri klien dan menggalakkan klien menukar kepercayaan tersebut dengan pilihan-pilihan hidup yang lain. Kaunselor seterusnya berperanan membantu klien menyedari bahawa masalah dan gangguan emosi yang mereka alami adalah hasil dari kepercayaan tidak rasional tersebut, dan klien bertanggungjawab sepenuhnya ke atas masalah dan gangguan tersebut. Seterusnya kaunselor membantu klien mengubahsuai kepercayaan tidak rasional tersebut kepada kepercayaan yang rasional. Klien boleh mencuba untuk mengurangkannya beransur-ansur sehingga berjaya menghapuskannya terus dari pemikiran. Langkah seterusnya ialah kaunselor membantu klien membina falsafah

pemikiran baru yang lebih rasional. Dengan falsafah pemikiran yang baru, klien berupaya menghadapi situasi yang mungkin mencabar emosinya. Peranan kaunselor pada amnya ialah mendidik klien untuk membina semula kognitif atau cara berfikir klien dan menunjukkan bagaimana kepercayaan yang salah dan tidak rasional telah merosakkan hidup mereka. Akhirnya, klien akan menyedari bahawa mereka berupaya mengawal dan menentukan emosi mereka, bersandarkan kepada pemikiran mereka.

Klien diajar untuk membuat penstrukturan semula kognitif mereka. Klien akan menyedari bahawa kehidupan mereka akan menjadi bermakna sekiranya mereka menginginkannya. Melalui pendekatan teori REBT, matlamat sesi menekankan kepada masa kini dan kebolehan klien pada masa kini untuk menstruktur semula pemikiran dan emosi mereka. Klien diperlukan untuk terus mengubah cara mereka berfikir bukan sahaja semasa sesi tetapi juga di luar sesi. Ada kalanya kaunselor akan memberi latihan untuk dilaksanakan di luar sesi. Latihan tersebut yang dipersetujui kedua belah pihak iaitu kaunselor dan klien bertujuan membantu klien meminimalkan pemikiran yang silap dan tidak rasional.

Pendekatan REBT yang utama ialah mempersoalkan kepercayaan tidak rasional klien. Terdapat empat strategi mempertikaikan kepercayaan tidak rasional yang dicadangkan oleh Beal, Kopec, dan DiGiuseppe (1996):

1. Mempertikai logik. Logik yang dimaksudkan ialah sesuatu yang menjadi kebiasaan.
2. Mempertikaikan kepercayaan tidak rasional dengan mengemukakan bukti.
3. Mempertikaikan fungsi iaitu kaunselor mempertikaikan kepercayaan tidak rasional klien dengan memberi fokus kepada kesan praktikal daripada kepercayaan tersebut. Kaunselor membimbing klien melihat kesan kepercayaan tidak rasional dengan meminta klien memikirkan adakah kesan tersebut adalah sesuatu yang klien inginkan.
4. Membentangkan rasional kepercayaan yang lain menggantikan kepercayaan tidak rasional. Membincangkan kepercayaan alternative menggantikan kepercayaan tidak rasional adalah satu pendekatan yang boleh membantu klien menukar dan membuat penstrukturan semula kognitifnya.



## METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan *Bibio-Counseling* Pengganti melibatkan 252 orang murid yang terlibat dalam Program Kaunseling Berfokus iaitu murid tahun 6 berfokus bidang akademik (calon UPSR), murid berfokus Bahasa Melayu Pemulihan, murid berfokus bidang peningkatan disiplin diri murid, murid berfokus bidang Psikososial dan kesejahteraan mental murid dan murid berfokus bidang pembangunan sahsiah diri murid merujuk kepada murid-murid yang hadir lewat ke sekolah dari aspek ketepatan masa.

Guru bimbingan dan kaunseling telah menjalankan sesi bimbingan dan kaunseling kepada kumpulan murid berfokus SK Bandar Putra sepanjang Januari hingga Oktober 2017. Bagi kumpulan murid kaunseling berfokus mereka akan menjalani sesi bimbingan dan kaunseling sekurang-kurangnya empat kali sesi menggunakan Pendekatan *Bibio-Counseling* manakala bagi kumpulan murid yang hadir lewat mereka akan menjalani sesi Pendekatan *Bibio-Counseling* sekurang-kurangnya dua kali. Kumpulan murid ini akan menjalani sesi bimbingan dan kaunseling secara individu dan kelompok.

Pendekatan *Bibio-Counseling* dijalankan secara individu atau kelompok. Prosedur pelaksanaan adalah seperti berikut:

- i. Pada permulaan sesi, guru bimbingan dan kaunseling perlu memotivasikan murid yang terlibat dengan aktiviti pengenalan. Jika dijalankan secara kelompok boleh membuat ice breaking terlebih dahulu secara ringkas.
- ii. Murid diberi masa yang cukup untuk membaca bahan yang berkaitan.
- iii. Membenarkan masa refleksi dan penilaian

- iv. Menyediakan masa tindakan susulan untuk perbincangan dengan teknik pemudahcaraan supaya membimbing murid (klien) atau kelompok mengingat semua kandungan cerita yang dibaca melalui aplikasi, analisis, sintesis, interpretasi dan penilaian.
- v. Pelaksanaan, penilaian dan membimbing individu atau kelompok kepada penutup yang merangkumi penilaian guru bimbingan dan kaunseling dan penilaian sendiri murid

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif. Reka bentuk kajian deskriptif sesuai digunakan untuk mendapat maklumat dan keterangan mengenai perubahan tingkah laku murid berfokus menjalani Pendekatan *Bibio-Counseling* dalam sesi bimbingan dan kaunseling di SK Bandar Putra, Kulai, Johor. Menurut Ary et al. (1990) kajian deskriptif bertujuan menentukan keadaan sebenar yang berlaku semasa sesuatu kajian itu dijalankan.

## HASIL KAJIAN

### ***PENINGKATAN TAHAP PSIKOSOSIAL, KESEJAHTERAAN MENTAL DAN SAHSIAH MURID***

Berikut merupakan analisa penilaian murid selepas menjalani Pendekatan *Bibio-Counseling* pengganti selama 9 Sebulan atau sekurang-kurangnya dua kali sesi:

BIL.	PERKARA	PENILAIAN	
		PRA	POST
1.	Saya rasa lebih tenang selepas menjalani Pendekatan <i>Bibio-Counseling</i>	20%	92%
2.	Saya yakin untuk berubah ke arah yang lebih positif	40%	94%
3.	Saya yakin untuk membuat keputusan demi kebaikan diri sendiri	30%	90%
4.	Saya dapat mengawal perasaan saya	44%	88%

5.	Saya dapati sesi Pendekatan <i>Bibio-Counseling</i> ini bermakna bagi saya	30%	90%
6.	Saya dapat menghilangkan rasa bosan	40%	94%
7.	Saya merasa lebih bermotivasi selepas mengikuti Pendekatan <i>Bibio-Counseling</i>	34%	92%
8.	Saya tahu untuk mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan	60%	100%
9.	Saya menjadikan membaca sebagai aktiviti di masa lapang	40%	82%
10.	Saya suka aktiviti yang melibatkan penggunaan bahasa	30%	88%

***Jadual 2 : Analisa Penilaian Murid Berfokus Terhadap Amalan Pendekatan Bibio-Counseling***


Berdasarkan jadual 2 menunjukkan 92% murid merasa lebih tenang selepas menjalani Pendekatan *Bibio-Counseling*. 94% murid yakin untuk berubah ke arah yang lebih positif atau lebih baik. 90% murid yakin untuk membuat keputusan demi kebaikan diri sendiri. 88% mengakui dapat mengawal emosi atau perasaan mereka. 90% murid mendapati sesi Pendekatan *Bibio-Counseling* ini bermakna kepada mereka. 94% murid mendapati amalan Pendekatan *Bibio-Counseling* dapat menghilangkan rasa bosan. 92% mendapati mereka lebih bermotivasi selepas menjalani Pendekatan *Bibio-Counseling*. 100% murid tahu untuk mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka. 82% murid menjadikan membaca sebagai aktiviti di masa lapang manakala 88% murid suka aktiviti yang melibatkan penggunaan bahasa selepas mengikuti Pendekatan *Bibio-Counseling*

### ***PERUBAHAN TINGKAH LAKU***

Berdasarkan pemantauan dan pemerhatian daripada guru disiplin serta guru kelas murid yang dirujuk kerana mencuri, bergaduh dan melawan guru telah menunjukkan perubahan tingkah laku yang positif. Mereka dapat bertingkah laku lebih baik daripada sebelumnya dan tidak mengulangi kesalahan disiplin. Begitu juga murid autisme yang dirujuk

dapat menunjukkan perubahan tingkah laku yang baik di mana murid ini tidak lagi kerap menangis dan dapat mengawal emosinya.

### ***PENGURANGAN JUMLAH MURID HADIR LEWAT KE SEKOLAH***




***Graf 1 : Analisa Data Kehadiran Murid Lewat Januari hingga September 2017***

Berdasarkan graf 1 menunjukkan penurunan jumlah murid hadir lewat iaitu pada bulan Januari 200 orang manakala pada bulan Februari seramai 170 orang hadir lewat. Bagi bulan Mac seramai 120 orang murid hadir lewat berbanding 80 orang pada bulan April. Bagi Bulan Mei kehadiran murid lewat semakin menurun iaitu 60 orang manakala pada bulan Jun seramai 37 orang murid hadir lewat. Walaubagaimanapun sedikit peningkatan pada bulan Julai iaitu seramai 70 orang murid hadir lewat. Pada bulan Ogos berlaku penurunan iaitu seramai 44 orang murid telah hadir lewat. Bulan September menunjukkan penurunan yang ketara iaitu hanya 20 orang murid hadir lewat.

### ***PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK***

Berdasarkan graf 2 menunjukkan terdapat peningkatan prestasi akademik kepada 10 orang murid berfokus akademik tahun 6. Perbandingan keputusan akademik dibuat

berdasarkan ujian pertama pada bulan Januari 2017 dengan keputusan peperiksaan percubaan UPSR pada bulan Ogos 2017.



**Graf 2 : Peningkatan Prestasi Akademik Mengikut Matapelajaran Bagi 10 Orang Murid Fokus Tahun 6**

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Berdasarkan dengan hasil Pendekatan *Biblio-Counseling* yang telah digunakan, dapatan kajian menunjukkan lebih 80% berlaku perubahan positif terhadap tingkah laku, sahsiah, emosi dan prestasi akademik murid berfokus di SK Bandar Putra, Kulai. Di samping itu juga, dapatan kajian menunjukkan bahawa pengurangan kadar masalah disiplin dapat dikurangkan melalui Pendekatan *Biblio-Counseling*. Ia juga sesuai digunakan bukan sahaja di sekolah rendah tetapi juga di sekolah menengah. Pendekatan *Biblio-Counseling* juga tidak melibatkan implikasi kewangan yang tinggi. Jaringan perhubungan dan kerjasama antara Unit Bimbingan dan Kaunseling dengan Pusat Sumber Sekolah atau perpustakaan dapat dijalinan. Seterusnya dapat membantu pihak pusat sumber memperkasakan kempen budaya membaca yang selama ini mereka jalankan secara tidak langsung.

## RUMUSAN

Bercerita sebagai bahan terapi dalam membentuk tingkah laku positif adalah idea yang dipinjam daripada terapi biblio iaitu rawatan gangguan tubuh dengan menggunakan buku. Menurut Patricia Cianclolo berpendapat buku dapat membantu secara positif pada

perkembangan diri murid, dapat membantu murid memiliki maklumat tentang tingkah laku manusia dan membantu murid mempelajari penyelesaian kepada sesetengah masalah yang datangnya dari dalam diri sendiri. Buku dan cerita memberi individu kesempatan bagi mengenalpasti dan menggantikan masalah-masalah sedar. Biasanya lebih mudah berbicara tentang masalah kalau ia adalah masalah yang dihadapi oleh orang lain. Cerita-cerita dapat menonjolkan kesukaran peribadi dan membantu orang memiliki wawasan pada tingkah laku peribadi. Hal ini bermakna masalah itu dapat dijelaskan dengan melihatnya daripada penghuraian orang lain dalam cerita. Betty Coody, menyokong pandangan tersebut dan berpendapat pembaca adalah lebih berkemampuan menilai diri mereka sendiri melalui empati dengan watak-watak yang mereka temui dalam buku.

Sehubungan itu, Pendekatan *Biblio-Counseling* iaitu gabungan teknik biblio dan bercerita berkesan menjadi medium mengubah tingkah laku murid ke arah yang lebih positif. Pada hakikatnya, melalui cerita yang positif murid dapat menyerap moral dan pengajaran. Pengajaran yang diperolehi itu dapat dijadikan teladan bagi membanding sahiah dan tingkah laku mereka dengan bahan yang diceritakan. Pada tahap ini, pandangan dan nasihat daripada guru diperlukan bagi membantu proses perubahan yang bakal berlaku dalam diri murid.

## RUJUKAN

Abdul Ghani Abdullah, Ph.D dan Abd. Rahman Abd. Azizi. 2009. *Mengurus Tingkah Laku Pelajar*. Kuala Lumpur. PTS Professional.

Abdul Halim Mohd Hussin, Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim dan Amin Al Haadi Shafiee. 2014. *Terapi Biblio Kepulihan*. Negeri Sembilan. Universiti Sains Islam Malaysia.

Akhlar Pardi dan Shamsina Shamsudin. 2011. *Pengendalian Disiplin Remaja di Sekolah & di Rumah*. Puchong. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Cathy A. Malchiodi & David A. Crenshaw. 2010. *Creative Arts and Play Therapy for Attachment Problems*. New York, London. The Guilford Press.

Eva Imania Eliasa. *Bibliotherapy Sebagai Sebuah Metode Tindakan Yang Bermakna*. Artikel daripada sumber internet. Universitas Negeri Yogyakarta

Melati Sumari, Ida Hartina Ahmed Tharbe, Norfaezah Md Khalid dan Azmawaty Mohamad Nor. 2014. *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya .

Mohammed Sharif Mustaffa, Roslee Ahmad dan Jamaludin Ramli. 2007. *Kaunseling Psikoterapi : Teori, Teknik dan Amalan*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Azhar Abd. Hamid. 2006. *EQ Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Pahang. PTS Professional.

Salhah Abdullah. 2009. *Kecerdasan Pelbagai : Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur. PTS Professional.